

Isu-Isu Pendidikan di Malaysia



Dr Zahari Bin Hashim

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Date: **Rabu, 5 Feb 2020**

Time: **10.30pg - 12.00tgh**

Venue: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang**

Abstrak

Sistem pendidikan di Malaysia kini sedang mengalami ledakan perubahan yang ketara. Tuntutan, cabaran serta perubahan mendadak dalam sistem pendidikan memerlukan kerjasama dan hubungan yang erat antara pemimpin, Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru dan masyarakat. Kejayaan sesebuah sistem pendidikan dikaitkan dengan isu-isu dalam pendidikan semasa seperti pengajaran dan pembelajaran, pedagogi pengetahuan kandungan, kelengkapan, kualiti kepimpinan dan sokongan sosial (keluarga, masyarakat dan pelajar).

Biodata

Dr Zahari Bin Hashim adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Berkelayakan Diploma In Business Studies (UiTM), Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (UKM), Master Sains (Pentadbiran Pendidikan) (UPM) dan Ijazah Doktor Falsafah (Pentadbiran Pendidikan) (UKM). Beliau pernah berkhidmat sebagai guru Sekolah Menengah dari tahun 1995-2003. Bermula Jun 2003, beliau berkhidmat di UPSI sehingga kini. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah) dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni). Kepakaran beliau adalah dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan.



Semua dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, A/P Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).

Kebebasan Ekspresi dalam Kalangan Masyarakat Melayu: Ungkapan Kebencian Berbanding Hak Bersuara



Prof Madya Dr Roksana Bibi Abdullah

Institut Pendidikan Nasional

Tarikh: **Rabu, 26 Feb 2020**

Masa: **10.30pg - 12.00tgh**

Tempat: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang**

Abstrak

Bahasa merupakan satu alat komunikasi yang paling berkesan dalam kehidupan manusia. Melalui bahasa, manusia mampu menyampaikan segala pemikiran, perasaan, pandangan, melahirkan pelbagai emosi serta tindak balas terhadap sesuatu perkara. Kemahiran yang tinggi dalam aspek kebahasaan memampukan manusia untuk meluahkan pandangan secara tepat, padat, kritis dan dinamis kerana melalui bahasa sahaja sudah cukup tahap pendidikan dan kecendiakiawanan seseorang itu dinilai. Di samping itu, penggunaan bahasa juga boleh menjadi ukurtara latar belakang seseorang dari aspek kesantunan, kemurnian jiwa, keikhlasan hati dan ketinggian ilmu dan keimanan. Maka itu, manusia sentiasa berhati-hati dalam menggunakan bahasa kerana luahan kekata seseorang yang berhemah boleh sahaja menjadi satu tunjang yang menimbulkan kesejahteraan interlokutornya, manakala penggunaan bahasa yang kesat dan kasar pula boleh menikam perasaan interlokutornya dan menimbulkan kekeruhan dan suasana yang tidak harmoni.

Biodata

Dr Roksana Bibi Abdullah merupakan Profesor Madya di Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, NIE, sejak 2010. Beliau mula berkhidmat di NIE sejak tahun 1994 sebagai tenaga pengajar dan kemudiannya sebagai Profesor Penolong setelah beliau meraih ijazah kedoktorannya pada 2002. Fokus kajian dan pengajaran Dr Roksana bertumpu kepada bidang Sociolinguistik yang merangkumi isu-isu bahasa dan Gender, bahasa sebagai cerminan budaya, keperibadian dan kepercayaan; Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan, Pengekalan dan Pengalihan Bahasa, serta Implementasi Kurikulum dalam Pendidikan Awal di Sekolah Rendah di Singapura.



Semua dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi, A/P Mukhlis Abu Bakar
(mukhlis.abubakar@nie.edu.sg).